

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**YWP 223 – Penulisan Rencana**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SOALAN NO. 1** yang diwajibkan dan mana-mana **DUA** soalan lain.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

**Bahagian A**

1. [a] Menurut Williamson (1975), rencana ialah “penulisan yang kreatif, kadang-kadang subjektif yang bertujuan khusus untuk menghibur dan memberitahu pembaca tentang sesuatu kejadian, keadaan atau satu aspek kehidupan.” Bincangkan pendapat ini dengan contoh-contoh.  
  
[b] Huraikan ciri-ciri dan fokus rencana panduan yang membezakannya daripada rencana jenis lain.

**Bahagian B**

2. [a] Jelaskan dengan contoh-contoh **tiga [3]** unsur rencana diskriptif.

**ATAU**

- [b] Dengan contoh-contoh, jelaskan **tiga [3]** cara menjana idea atau buah fikiran untuk sesebuah rencana.

**Bahagian C**

3. [a] Kesalahan dalam penulisan rencana akan menjejaskan kredibiliti seseorang penulis. Oleh itu, penulis yang kompeten akan sentiasa menyunting rencananya bagi memastikan ia bebas kesalahan. Bincang dan huraikan **lapan [8]** kesilapan biasa yang dilakukan oleh penulis.

**ATAU**

- [b] Setiap rencana akan mempunyai pendulu, badan dan penutup yang bertujuan untuk memudahkan pemahaman di samping menarik minat pembaca untuk menghabiskan pembacaan. Bincang dan huraikan **lapan [8]** jenis pendulu yang seringkali digunakan.